



MALAYSIA

ISBN 978-983-9044-67-6

BANCI EKONOMI *ECONOMIC CENSUS*

2011


PROFIL PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
PROFILE OF SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

"PENJANA STATISTIK NEGARA"

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



MALAYSIA

BANCI EKONOMI
ECONOMIC CENSUS
2011

PROFIL PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA
PROFILE OF SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
PUTRAJAYA

KATA PENGANTAR

Laporan ini memaparkan profil perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia berdasarkan Banci Ekonomi yang telah dijalankan pada tahun 2011. Banci ini meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam semua sektor ekonomi negara.

Data yang diterbitkan dalam penerbitan adalah berdasarkan respon lengkap yang diperoleh daripada PKS yang diliputi dalam Banci. Oleh yang demikian, perangkaan utama PKS bagi tahun rujukan 2010 dimuatkan dalam laporan ini. Kemudahan pembiayaan yang memfokuskan kepada sumber pembiayaan dan jenis kemudahan kredit turut dipaparkan. Buat julungkalinya, data berkaitan taraf milikan wanita sesebuah pertubuhan turut dibentangkan.

Bahagian pertama laporan menumpukan kepada ringkasan penemuan manakala bahagian kedua pula memfokuskan kepada nota teknikal yang menerangkan metodologi yang digunakan. Jadual perangkaan terperinci turut dimuatkan di bahagian ketiga laporan ini bagi kemudahan analisis. Komuniti perniagaan, penyelidik dan ahli akademik dialu-alukan untuk menggunakan statistik ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam pembekalan maklumat dan sumbangan terhadap kejayaan Banci ini. Ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Ketua Perangkawan

Malaysia

OGOS 2012

PREFACE

This report presents the profile of micro, small and medium enterprises (SMEs) in Malaysia obtained from the Economic Census conducted in 2011. This Census covered establishments identified in all sectors of the economy.

Data published in this report are based on the completed responses obtained from SMEs covered in the Census. In this connection, principal statistics of SMEs for reference year 2010 are shown. Financing which focuses on sources of financing and types of credit facilities are also highlighted. For the first time, data on women-owned businesses are also presented.

The first part of the report highlights the summary findings, while the second part focuses on the technical notes describing the approach and methodology used. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis. The business community at large, researchers and academicians are welcome to use these statistics.

I would like to express my appreciation to all parties for the cooperation in providing the information and their contribution towards the success of the Census. Comments and suggestions from users on the improvement in future reports are greatly appreciated.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Chief Statistician

Malaysia

AUGUST 2012

Isi Kandungan

	Muka surat
Kata pengantar	i
Bab 1 : Gambaran Keseluruhan PKS	3
Bab 2 : Pertanian	13
Bab 3 : Perlombongan dan Pengkuarian	21
Bab 4 : Pembuatan	27
Bab 5 : Pembinaan	35
Bab 6 : Perkhidmatan	41
Nota Teknikal	47

Senarai jadual

Jadual Ringkasan

A1. Perangkaan utama mengikut sektor dan saiz, 2010	1-1
A2. Perangkaan utama PKS mengikut sektor, 2003 dan 2010	1-4
A3. Perangkaan utama PKS mengikut negeri, 2010	1-5
A4. Perangkaan utama PKS mengikut taraf sah, 2010	1-6
A5. Perangkaan utama PKS mengikut hak milik, 2010	1-6
A6. Perangkaan utama PKS mengikut saiz output, 2010	1-7
A7. Perangkaan utama PKS mengikut saiz pekerja, 2010	1-7
A8. Perangkaan utama PKS mengikut saiz harta tetap, 2010	1-8
A9. Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	1-9
A10. Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut sektor dan saiz, 2010	1-10
A11. Sumber pembiayaan PKS mengikut saiz, 2010	1-12
A12. Aktiviti pemasaran dan promosi PKS mengikut saiz, 2010	1-13
A13. Pertubuhan PKS milikan wanita mengikut sektor dan saiz, 2010	1-13
A14. Bilangan PKS mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	1-14

Jadual Terperinci Mengikut Sektor**B. Pertanian****Perangkaan Utama**

B1.1	Perangkaan utama PKS dalam subsektor pertanian, 2010	2-1
B1.2	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut negeri, 2010	2-2
B1.3	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut taraf sah, 2010	2-3
B1.4	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut hak milik, 2010	2-3
B1.5	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz output, 2010	2-4
B1.6	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz pekerja, 2010	2-4
B1.7	Perangkaan utama PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz harta tetap, 2010	2-5

Subsektor dan saiz

B2.1	Bilangan PKS dalam subsektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-6
B2.2	Nilai output kasar PKS dalam subsektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-6
B2.3	Nilai ditambah PKS dalam subsektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-6
B2.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor pertanian dan saiz, 2010	2-7

Taraf sah dan saiz

B3.1	Bilangan PKS dalam sektor pertanian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	2-9
B3.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pertanian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	2-9
B3.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pertanian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	2-9
B3.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pertanian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	2-10

Hak milik dan saiz

B4.1	Bilangan PKS dalam sektor pertanian mengikut hak milik dan saiz, 2010	2-12
B4.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pertanian mengikut hak milik dan saiz, 2010	2-12
B4.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pertanian mengikut hak milik dan saiz, 2010	2-12
B4.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pertanian mengikut hak milik dan saiz, 2010	2-13

Jadual tambahan

B5.1	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pertanian mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	2-14
-------------	--	------

Senarai jadual		Muka surat
B5.2	Nilai harta tetap PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-15
B5.3	Bilangan PKS dalam sektor pertanian mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	2-16
Pembiayaan kewangan		
B6.1	Tujuan pembiayaan PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-17
B6.2	Sumber pembiayaan PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz, 2010	2-18
C. Perlombongan dan Pengkuarian		
Perangkaan Utama		
C1.1	Perangkaan utama PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian, 2010	3-1
C1.2	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut negeri, 2010	3-1
C1.3	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah, 2010	3-2
C1.4	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut hak milik, 2010	3-2
C1.5	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz output, 2010	3-3
C1.6	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz pekerja, 2010	3-3
C1.7	Perangkaan utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz harta tetap, 2010	3-4
Subsektor dan saiz		
C2.1	Bilangan PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-5
C2.2	Nilai output kasar PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-5
C2.3	Nilai ditambah PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-5
C2.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor perlombongan dan pengkuarian dan saiz, 2010	3-6
Taraf sah dan saiz		
C3.1	Bilangan PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	3-7
C3.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	3-7

Senarai jadual		Muka surat
C3.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	3-7
C3.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah dan saiz, 2010	3-8
Jadual tambahan		
C4.1	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	3-9
C4.2	Nilai harta tetap PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-10
C4.3	Bilangan PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	3-10
Pembiayaan kewangan		
C5.1	Tujuan pembiayaan PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-11
C5.2	Sumber pembiayaan PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010	3-12
D. Pembuatan		
Perangkaan Utama		
D1.1	Perangkaan utama PKS dalam subsektor pembuatan, 2010	4-1
D1.2	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut negeri, 2010	4-4
D1.3	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah, 2010	4-5
D1.4	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut hak milik, 2010	4-5
D1.5	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz output, 2010	4-6
D1.6	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz pekerja, 2010	4-6
D1.7	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz harta tetap, 2010	4-7
Subsektor dan saiz		
D2.1	Bilangan PKS dalam subsektor pembuatan mengikut saiz, 2010	4-8
D2.2	Nilai output kasar PKS dalam subsektor pembuatan mengikut saiz, 2010	4-10
D2.3	Nilai ditambah PKS dalam subsektor pembuatan mengikut saiz, 2010	4-12
D2.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor pembuatan dan saiz, 2010	4-14
Taraf sah dan saiz		
D3.1	Bilangan PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	4-21
D3.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	4-21

	Senarai jadual	Muka surat
D3.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	4-21
D3.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	4-22
Hak milik dan saiz		
D4.1	Bilangan PKS dalam sektor pembuatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	4-24
D4.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pembuatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	4-24
D4.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pembuatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	4-24
D4.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembuatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	4-25
Jadual tambahan		
D5.1	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembuatan mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	4-26
D5.2	Nilai harta tetap PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz , 2010	4-27
D5.3	Bilangan PKS dalam sektor pembuatan mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	4-27
Pembiayaan kewangan		
D6.1	Tujuan pembiayaan PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz, 2010	4-28
D6.2	Sumber pembiayaan PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz, 2010	4-29
E. Pembinaan		
Perangkaan Utama		
E1.1	Perangkaan utama PKS dalam subsektor pembinaan, 2010	5-1
E1.2	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut negeri, 2010	5-2
E1.3	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah, 2010	5-3
E1.4	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut hak milik, 2010	5-3
E1.5	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz output, 2010	5-4
E1.6	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz pekerja, 2010	5-4
E1.7	Perangkaan utama PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz harta tetap, 2010	5-5
Subsektor dan saiz		
E2.1	Bilangan PKS dalam subsektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-6
E2.2	Nilai output kasar PKS dalam subsektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-6
E2.3	Nilai ditambah PKS dalam subsektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-6
E2.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor pembinaan dan saiz, 2010	5-7

Taraf sah dan saiz

E3.1	Bilangan PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	5-9
E3.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	5-9
E3.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	5-9
E3.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	5-10

Hak milik dan saiz

E4.1	Bilangan PKS dalam sektor pembinaan mengikut hak milik dan saiz, 2010	5-12
E4.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor pembinaan mengikut hak milik dan saiz, 2010	5-12
E4.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor pembinaan mengikut hak milik dan saiz, 2010	5-12
E4.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembinaan mengikut hak milik dan saiz, 2010	5-13

Jadual tambahan

E5.1	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembinaan mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	5-14
E5.2	Nilai harta tetap PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-15
E5.3	Bilangan PKS dalam sektor pembinaan mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	5-15

Pembiayaan kewangan

E6.1	Tujuan pembiayaan PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-16
E6.2	Sumber pembiayaan PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010	5-17

F. Perkhidmatan**Perangkaan Utama**

F1.1	Perangkaan utama PKS dalam subsektor perkhidmatan, 2010	6-1
F1.2	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut negeri, 2010	6-3
F1.3	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut taraf sah, 2010	6-4
F1.4	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut hak milik, 2010	6-4
F1.5	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz output, 2010	6-5
F1.6	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz pekerja, 2010	6-5
F1.7	Perangkaan utama PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz harta tetap, 2010	6-6

Subsektor dan saiz

F2.1	Bilangan PKS dalam subsektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-7
F2.2	Nilai output kasar PKS dalam subsektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-8
F2.3	Nilai ditambah PKS dalam subsektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-9
F2.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz, 2010	6-10

Taraf sah dan saiz

F3.1	Bilangan PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	6-14
F3.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	6-14
F3.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	6-14
F3.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut taraf sah dan saiz, 2010	6-15

Hak milik dan saiz

F4.1	Bilangan PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	6-17
F4.2	Nilai output kasar PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	6-17
F4.3	Nilai ditambah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	6-17
F4.4	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut hak milik dan saiz, 2010	6-18

Jadual tambahan

F5.1	Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut kategori pekerja dan jantina, 2010	6-19
F5.2	Pembelian dan pelupusan nilai harta tetap PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-20
F5.3	Bilangan PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut tahun beroperasi dan saiz, 2010	6-20

Pembiayaan kewangan

F6.1	Tujuan pembiayaan PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-21
F6.2	Sumber pembiayaan PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010	6-22

BAB 1 : GAMBARAN KESELURUHAN PKS



1.1 Pengenalan

Laporan ini membentangkan profil terkini PKS yang merangkumi pertubuhan bersaiz mikro, kecil dan sederhana di Malaysia. Perangkaan yang diperoleh dikumpul melalui Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010. Banci ini meliputi semua aktiviti ekonomi yang dikenal pasti di Malaysia. Data yang dibentangkan dalam laporan ini terbahagi kepada lima (5) sektor utama iaitu pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Bancian untuk mendapatkan profil ekonomi PKS pertama kali dilaksanakan pada tahun 2005 melalui Banci *baseline* bagi Pertubuhan dan Enterpris.

Klasifikasi PKS yang digunakan dalam laporan ini adalah berdasarkan definisi yang digunapakai oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Secara umumnya, PKS di Malaysia adalah ditakrifkan seperti berikut:

Sektor Pembuatan: Nilai jualan tahunan kurang daripada RM25 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 150.

Perkhidmatan dan sektor-sektor lain: Nilai jualan tahunan kurang daripada RM5 juta ATAU jumlah pekerja sepenuh masa kurang daripada 50.

Definisi terperinci mengikut kategori iaitu Mikro, Kecil dan Sederhana terdapat di dalam Nota Teknikal.

Jadual 1.1: Petunjuk utama PKS, 2010

	Jumlah	Besar	PKS
Bilangan pertubuhan	662,939	17,803	645,136
Nilai output kasar (RM juta)	1,777,317	1,270,228	507,089
Nilai ditambah (RM juta)	707,489	493,568	213,921
Guna tenaga (orang)	6,963,973	3,294,714	3,669,259
%			
Bilangan pertubuhan	100.0	2.7	97.3
Nilai output kasar	100.0	71.5	28.5
Nilai ditambah	100.0	69.8	30.2
Guna tenaga	100.0	47.3	52.7


1.2 Bilangan PKS

Hasil banci menunjukkan bahawa terdapat 645,136 PKS beroperasi di Malaysia, mewakili 97.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan (Jadual 1.1). Bakinya merupakan pertubuhan bersaiz besar berjumlah 17,803 atau 2.7 peratus.

Berdasarkan 645,136 PKS yang dibanci, majoritinya adalah terlibat dalam tiga (3) sektor, iaitu perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. PKS adalah yang terbesar dalam sektor perkhidmatan,

dengan 580,356 pertubuhan atau 90.0 peratus. Dalam sektor pembuatan, bilangan pertubuhan PKS adalah 37,861 atau 5.9 peratus manakala terdapat 19,283 PKS atau 3.0 peratus dalam sektor pembinaan (Carta 1.1).


Carta 1.1: Taburan PKS mengikut sektor, 2010



1.3 PKS mengikut saiz

Berdasarkan saiz, kebanyakan PKS adalah pertubuhan mikro. Terdapat 496,458 pertubuhan bersaiz mikro yang mewakili sehingga 77.0 peratus daripada jumlah PKS. Pertubuhan saiz kecil pula mewakili 20.0 peratus atau 128,787 pertubuhan, diikuti oleh pertubuhan bersaiz sederhana, yang mewakili hanya 3.0 peratus atau 19,891 pertubuhan.

Carta 1.2: PKS mengikut sektor dan saiz, 2010



Carta 1.2 menunjukkan bahawa sebahagian besar PKS dalam sektor perkhidmatan adalah pertubuhan bersaiz mikro, mewakili lebih 79.0 peratus daripada jumlah keseluruhan PKS dalam sektor ini. Ini diikuti oleh pertubuhan bersaiz kecil, 18.3 peratus manakala peratusan pertubuhan saiz sederhana hanya 2.1 peratus. Sektor pembuatan dan pertanian juga menunjukkan corak yang sama di mana pertubuhan bersaiz mikro adalah yang tertinggi dari segi bilangan, mencakupi lebih daripada separuh daripada jumlah keseluruhan pertubuhan iaitu masing-masing 57.1 peratus dan


56.3 peratus. Sektor perlombongan & pengkuarian sebaliknya lebih bercirikan pertubuhan bersaiz kecil dan sederhana yang membentuk masing-masing 42.1 peratus dan 38.8 peratus, manakala pertubuhan bersaiz mikro hanya sebanyak 19.1 peratus sahaja.

1.4 PKS mengikut lokasi

Carta 1.3 menunjukkan bahawa kebanyakan PKS tertumpu di Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Johor, kombinasi tiga negeri ini mewakili sehingga 43.3 peratus. Seterusnya Perak, Sarawak dan Sabah dengan masing-masing mewakili 9.3 peratus, 6.8 peratus dan 6.3 peratus.

PKS di kebanyakan negeri adalah terdiri daripada pertubuhan bersaiz mikro. Situasi ini dapat dilihat di negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Perlis di mana sebahagian besar pertubuhan perniagaan adalah dipelopori oleh PKS bersaiz mikro iaitu masing-masing sebanyak 91.9 peratus, 87.9 peratus dan 87.1 peratus.


Carta 1.3: Taburan PKS mengikut negeri, 2010



1.5 PKS mengikut taraf sah

Pemilikan individu dan perkongsian merupakan kumpulan terbesar PKS dari segi taraf sah dengan 79.5 peratus. Peratusan PKS yang terdiri daripada syarikat sendirian berhad pula adalah 18.4 peratus (Carta 1.4). Kebanyakan pertubuhan bersaiz mikro iaitu 81.5 peratus adalah bertaraf pemilikan individu. Sebaliknya, majoriti pertubuhan bersaiz kecil dan sederhana pula adalah terdiri daripada syarikat sendirian berhad iaitu masing-masing sebanyak 45.1 peratus dan 79.1 peratus.

Carta 1.4: PKS mengikut taraf sah, 2010



1.6 Sumbangan PKS kepada nilai output kasar dan nilai ditambah

Nilai output kasar dan nilai ditambah yang dihasilkan oleh PKS pada tahun 2010 masing-masing berjumlah RM507.1 bilion dan RM213.9 bilion (Jadual 1.2). Walaupun mewakili 97.3 peratus daripada jumlah perniagaan di negara ini, sumbangan PKS kepada output kasar adalah hanya 28.5 peratus dan 30.2 peratus kepada nilai ditambah

Jadual 1.2: Nilai output kasar dan nilai ditambah PKS mengikut sektor, 2010

Sektor	Nilai output kasar (RM juta)				Nilai tambah (RM juta)			
	PKS	Mikro	Kecil	Sederhana	PKS	Mikro	Kecil	Sederhana
Jumlah	507,089	93,581	198,859	214,650	213,921	54,530	94,067	65,323
Pertanian	5,194	769	1,871	2,554	2,665	343	937	1,385
Perlombongan & Penguarian	1,105	39	302	764	378	13	95	271
Pembuatan	194,032	3,853	59,540	130,639	38,058	1,344	14,348	22,366
Pembinaan	20,118	1,219	6,001	12,898	7,537	545	2,227	4,764
Perkhidmatan	286,640	87,700	131,145	67,795	165,284	52,286	76,460	36,538

Berdasarkan nilai output kasar, sumbangan PKS bersaiz sederhana adalah yang tertinggi, iaitu RM214.7 bilion atau 42.3 peratus. Dalam kumpulan ini, PKS dalam sektor pembuatan mencatatkan kadar sumbangan tertinggi, 60.9 peratus atau RM130.6 bilion. Sumbangan PKS bersaiz mikro kepada output kasar pula hanya RM93.6 bilion atau 18.5 peratus. Dalam kumpulan mikro ini pula, PKS dalam sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama dengan 93.7 peratus atau RM87.7 bilion.


Daripada RM213.9 bilion nilai ditambah yang dihasilkan oleh PKS, PKS bersaiz kecil mewakili sebanyak 44.0 peratus atau RM94.1 bilion. Nilai ditambah tertinggi dalam kategori ini disumbangkan oleh sektor perkhidmatan iaitu RM76.5 bilion atau 81.3 peratus.

1.7 Bilangan pekerja PKS

Pada tahun 2010, PKS mengambil bekerja kira-kira 3.7 juta orang daripada jumlah keseluruhan 7.0 juta pekerja atau 52.7 peratus. PKS dalam sektor perkhidmatan menggaji 2.6 juta pekerja (70.3 peratus), manakala sektor pembuatan dan pembinaan masing-masing menggaji 700,000 pekerja (18.9 peratus) dan 300,000 pekerja (8.1 peratus) (Carta 1.5).

Berdasarkan saiz pertubuhan, didapati perniagaan bersaiz kecil menggaji pekerja yang tertinggi iaitu hampir 1.5 juta pekerja atau 40.1 peratus. Oleh itu, secara purata pertubuhan bersaiz kecil menggaji 11 orang pekerja bagi setiap pertubuhan. Sementara itu, PKS bersaiz mikro didapati menggaji seramai 1.3 juta pekerja atau 36.5 peratus, dengan purata 3 orang pekerja bagi setiap pertubuhan. Manakala pertubuhan bersaiz sederhana menggunakan hampir 859 ribu orang pekerja atau 23.4 peratus dengan purata 43 orang pekerja bagi setiap pertubuhan.

Carta 1.5: Guna tenaga dalam PKS mengikut sektor, 2010



Kategori pekerja di dalam PKS terdiri daripada pekerja sepenuh masa dan pekerja sambilan serta termasuk bekerja sendiri (pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji). Tiga per-empat daripada jumlah tenaga kerja PKS adalah terdiri daripada pekerja sepenuh masa, manakala 18.7 peratus adalah bekerja sendiri dan 3.5 peratus lagi pekerja sambilan (Jadual 1.3). Sebaliknya, 97.7 peratus daripada jumlah tenaga kerja perusahaan yang besar telah diupah secara sepenuh masa, manakala baki 2.3 peratus adalah sama ada pekerja yang bekerja sendiri atau pekerja sambilan.

Jadual 1.3: Bilangan pekerja dan bayaran gaji & upah dalam PKS mengikut sektor, 2010

Sektor	Bilangan pekerja								Gaji & upah yang dibayar		Purata gaji tahunan per pekerja
	Jumlah		Pemilik yang bekerja & pekerja keluarga tidak bergaji		Pekerja sepenuh masa		Pekerja sambilan				
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	RM juta	%	
Jumlah	3,669,259	100.0	687,224	100.0	2,852,510	100.0	129,525	100.0	54,675	100.0	18,335
Pertanian	78,777	2.1	5,795	0.8	70,411	2.5	2,571	2.0	911	1.7	12,479
Perlombongan dan pengkuarian	5,765	0.2	68	0.0	5,560	0.2	137	0.1	130	0.2	22,759
Pembuatan	698,713	19.0	30,371	4.4	654,740	23.0	13,602	10.5	13,079	23.9	19,569
Pembinaan	275,631	7.5	13,697	2.0	256,276	9.0	5,658	4.4	4,403	8.1	16,810
Perkhidmatan	2,610,373	71.1	637,293	92.7	1,865,523	65.4	107,557	83.0	36,152	66.1	18,323

Gaji dan upah yang dibayar oleh PKS berjumlah RM54.7 bilion. PKS dalam sektor perkhidmatan membayar RM36.2 bilion atau 66.1 peratus, manakala dalam sektor pembuatan, gaji dan upah yang dibayar adalah sebanyak RM13.1 bilion atau 23.9 peratus. PKS dalam sektor pembinaan membelanjakan RM4.4 bilion manakala dalam sektor pertanian, RM0.9 bilion.


Gaji dan upah yang dibayar oleh pertubuhan PKS mengikut sektor menunjukkan bahawa purata gaji tahunan tertinggi yang dibayar bagi setiap pekerja adalah dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, RM22,759, diikuti oleh sektor pembuatan, RM19,569 dan sektor perkhidmatan, RM18,323. Pekerja dalam sektor pertanian menerima purata gaji tahunan RM12,479 bagi setiap pekerja.

1.8 PKS milikan wanita

Hasil banci menunjukkan bahawa kira-kira 19.7 peratus PKS adalah pertubuhan milikan wanita. Majoriti PKS milikan wanita tertumpu dalam sektor perkhidmatan iaitu 91.7 peratus. Ini diikuti oleh sector pembuatan, 6.9 peratus. Hanya sebahagian kecil sahaja pertubuhan PKS yang dimiliki oleh wanita dalam sektor lain seperti pembinaan, pertanian dan perlombongan dan pengkuarian di mana peratusan kurang daripada 1.0 peratus.

Mengikut saiz pertubuhan, majoriti PKS milikan wanita adalah bersaiz mikro, 88.0 peratus. Ini diikuti oleh pertubuhan bersaiz kecil, 11.3 peratus dan pertubuhan bersaiz sederhana, 0.8 peratus. Berdasarkan hasil banci ini, pertubuhan PKS milikan wanita dalam sektor pertanian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan secara umumnya adalah bersaiz mikro. Walau bagaimanapun dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, pertubuhan PKS milikan wanita adalah bersaiz kecil (Carta 1.6).

Carta 1.6: PKS milik wanita mengikut sektor dan saiz, 2010




1.9 Akses kepada pembiayaan oleh PKS

Maklumat mengenai akses kepada pembiayaan oleh PKS turut dikumpulkan dalam Banci. Carta 1.7 menunjukkan lebih separuh daripada PKS menggunakan sumber dana dalaman mereka sendiri atau dana yang dijana daripada pemegang saham untuk membiayai operasi perniagaan mereka. Hanya 21.9 peratus pertubuhan PKS menyatakan memperoleh sumber pembiayaan daripada institusi kewangan yang termasuk perbankan, kredit mikro dan institusi kewangan pembangunan. Pembiayaan yang diperolehi daripada sumber lain seperti geran atau pembiayaan daripada agensi kerajaan dan pembiayaan daripada koperasi adalah 28.5 peratus.

Secara terperinci, akses pembiayaan mengikut saiz pertubuhan menunjukkan bahawa pembiayaan daripada institusi kewangan merupakan sumber utama pembiayaan bagi PKS bersaiz sederhana. Walau bagaimanapun, perusahaan bersaiz mikro dan kecil lebih bergantung terutamanya pada dana mereka sendiri yang dijana secara dalaman. Hanya 17.4 peratus pertubuhan bersaiz mikro menunjukkan bahawa mereka memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan.

Carta 1.7: Sumber pembiayaan oleh PKS mengikut saiz, 2010



Sumber lain seperti pembiayaan daripada syarikat pajakan, pembekal dan organisasi bukan kerajaan.

1.10 Aktiviti pemasaran dan promosi oleh PKS

Hasil banci menunjukkan bahawa kurang daripada 14.0 peratus daripada PKS menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi. Dari segi pecahan, perusahaan bersaiz sederhana adalah yang paling aktif dalam melaksanakan aktiviti pemasaran dan promosi, diikuti oleh perusahaan bersaiz kecil. Medium pemasaran dan promosi yang banyak digunakan adalah seperti penggunaan risalah dan katalog, diikuti pengiklanan serta menggunakan ejen pemasaran (Jadual 1.4).

Jadual 1.4: Aktiviti pemasaran dan promosi oleh PKS, 2010

Aktiviti pemasaran dan promosi	PKS (%)	Mikro (%)	Kecil (%)	Sederhana (%)
Agen pemasaran	2.8	1.3	6.1	12.7
Iklan	3.3	1.9	7.0	12.8
Risalah, katalog dsb.	5.1	3.8	8.2	13.2
Ekspo dan pameran tempatan	1.1	0.5	2.2	5.9
Ekspo dan pameran antarabangsa	0.4	0.1	0.8	2.5
Kenyataan akhbar secara wayar	0.3	0.2	0.6	1.4
Enjin carian optimum	1.4	0.8	3.2	5.8
Rangkaian laman web sosial	1.6	1.0	3.0	5.0
Penajaan acara	0.6	0.4	1.2	2.5
Tiada promosi	86.6	90.4	77.3	63.2


BAB 2 : PERTANIAN



2.1 Pengenalan


PKS bagi sektor pertanian mencatatkan 6,708 pertubuhan atau 76.0 peratus daripada keseluruhan 8,829 pertubuhan. Pertubuhan mikro adalah yang terbesar, berjumlah 3,775 pertubuhan (56.3 peratus), diikuti pertubuhan kecil, 1,941 (28.9 peratus) dan pertubuhan sederhana, 992 (14.8 peratus) (Carta 2.1).

Carta 2.1: PKS sektor pertanian mengikut saiz, 2010



Carta 2.2 menunjukkan pecahan PKS mengikut subsektor pertanian dan saiz PKS. Kira-kira 70.4 peratus daripada PKS atau 4,725 pertubuhan adalah dalam subsektor tanaman, diikuti ternakan, 900 pertubuhan (13.4 peratus), perikanan 781 pertubuhan (11.7 peratus) dan perhutanan & pembalakan 302 pertubuhan (4.5 peratus). Ketiga-tiga subsektor iaitu tanaman, ternakan dan perikanan telah dikategorikan sebagai pertubuhan mikro, yang mana pecahan pertubuhan tersebut adalah lebih daripada 55 peratus. Keadaan sebaliknya berlaku bagi subsektor perhutanan & pembalakan yang mana pertubuhan kecil dan sederhana adalah yang terbesar, meliputi 89.4 peratus atau 270 pertubuhan.

Carta 2.2: PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz dan subsektor, 2010



2.2 Penunjuk makro PKS

PKS dalam sektor pertanian menjana output kasar sebanyak RM5,194.1 juta dengan nilai ditambah RM2,664.5 juta. Pertubuhan sederhana merupakan penyumbang terbesar iaitu kira-kira separuh daripada nilai output kasar dan nilai ditambah. Dari segi guna tenaga, pertubuhan kategori ini menyumbang sebanyak 51.0 peratus orang pekerja (Jadual 2.1).


Table 2.1: Indikator utama PKS dalam sektor pertanian, 2010

	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Output kasar (RM juta)	5,194	100.0	769	14.8	1,871	36.0	2,554	49.2
Nilai ditambah (RM juta)	2,665	100.0	343	12.9	937	35.2	1,385	52.0
Guna tenaga	78,777	100.0	13,718	17.4	24,864	31.6	40,195	51.0

2.3 Nilai output kasar dan nilai ditambah

Antara keempat-empat subsektor, tanaman menyumbang RM3,337.6 atau 64.3 peratus daripada jumlah output kasar PKS (Carta 2.3). Ini diikuti oleh ternakan RM788.2 juta (15.2 peratus), perikanan RM581.5 juta (11.2 peratus) dan perhutanan & pembalakan RM486.8 juta (9.4 peratus). Nilai ditambah terbesar juga disumbangkan oleh subsektor tanaman, RM2,020.3 atau 75.8 peratus, ternakan RM209.0 juta (7.8 peratus), perhutanan & pembalakan RM239.9 juta (9.0 peratus) dan perikanan RM195.3 juta (7.3 peratus).


Carta 2.3: Output kasar dan nilai ditambah PKS mengikut subsektor pertanian, 2010



2.4 PKS mengikut taraf sah

Carta 2.4 menunjukkan taraf sah PKS dalam sektor pertanian. Majoriti PKS dalam sektor ini adalah hak milik perseorangan dengan 3,316 pertubuhan atau 49.4 peratus. Ini diikuti oleh syarikat sendirian berhad, 2,666 pertubuhan (39.7 peratus), manakala perkongsian menyumbang sejumlah 602 pertubuhan (9.0 peratus).

Carta 2.4: PKS mengikut taraf sah dalam sektor pertanian, 2010



Dalam Jadual 2.2, PKS yang beroperasi sebagai syarikat sendirian berhad merupakan penyumbang tertinggi kepada output kasar, RM3,452 juta atau 66.4 peratus. Sumbangan jenis taraf sah yang lain kepada output kasar seperti hak milik perseorangan (18.9 peratus) dan perkongsian (9.9 peratus) adalah kecil, kira-kira satu pertiga. Antara subsektor pertanian, output kasar untuk syarikat sendirian berhad di dalam subsektor tanaman adalah yang tertinggi, RM2,439 juta atau 70.6 peratus.


Jadual 2.2: Output kasar PKS mengikut taraf sah dan subsektor, 2010

Taraf sah	Tanaman (RM juta)	Ternakan (RM juta)	Perhutanan & pembalakan (RM juta)	Perikanan (RM juta)	Jumlah output kasar (RM juta)
Hak milik perseorangan	499	199	128	154	980
Perkongsian	166	158	61	131	516
Syarikat sendirian berhad	2,439	429	296	288	3,452
Lain-lain	234	2	2	9	247
Jumlah output kasar (RM juta)	3,338	788	487	582	5,195

2.5 PKS mengikut Negeri

Carta 2.5 menunjukkan taburan PKS dalam sektor pertanian mengikut negeri. Johor mempunyai bilangan PKS tertinggi dengan 994 pertubuhan (14.8 peratus), diikuti oleh Perak, 962 pertubuhan (14.3 peratus), Selangor 834 pertubuhan (12.4 peratus) dan Sabah, 812 pertubuhan (12.1 peratus). Dari segi sumbangan kepada output kasar dan nilai ditambah, Sabah menduduki tempat keempat dari segi bilangan PKS, merupakan penyumbang tertinggi kepada output dan nilai ditambah, iaitu masing-masing 23.8 peratus dan 28.4 peratus.


Carta 2.5: PKS mengikut negeri dalam sektor pertanian, 2010



2.6 Guna tenaga dan gaji & upah

Bilangan pekerja PKS dalam sektor pertanian adalah 78,777 orang atau 20.2 peratus daripada jumlah guna tenaga. Sebanyak 93 peratus atau 72,982 orang pekerja bergaji, manakala pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji seramai 5,795 orang atau 7.0 peratus (Carta 2.6). Pertubuhan sederhana menggaji bilangan pekerja tertinggi, seramai 39,850 orang (54.6 peratus) manakala pertubuhan kecil seramai 23,702 orang (32.5 peratus).

Carta 2.6: Guna tenaga PKS dalam sektor pertanian mengikut saiz, 2010



PKS subsektor tanaman menggaji seramai 55,884 pekerja bergaji, diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan 6,986 pekerja, subsektor perikanan 5,791 pekerja dan subsektor ternakan 4,321 pekerja (Jadual 2.3). Purata gaji dan upah yang dibayar setahun oleh PKS dalam subsektor perhutanan & pembalakan adalah yang tertinggi, RM17,750, diikuti oleh subsektor ternakan, RM14,580, perikanan RM14,505 dan tanaman RM11,452.


Jadual 2.3: Guna tenaga dan gaji & upah PKS mengikut subsektor pertanian, 2010

Subsektor	Jumlah pekerja bergaji	Gaji & upah (RM juta)	Purata gaji & upah setahun (RM)
Pertanian	72,982	911	12,483
Tanaman	55,884	640	11,452
Ternakan	4,321	63	14,580
Perhutanan & pembalakan	6,986	124	17,750
Perikanan	5,791	84	14,505

2.7 PKS milikan wanita


Sejumlah 519 PKS atau 7.7 peratus daripada jumlah pertubuhan dalam sektor pertanian dimiliki oleh usahawan wanita. Daripada jumlah ini, 70.3 peratus (365 pertubuhan) adalah mikro secara amnya, 21.0 peratus adalah kecil dan 8.7 peratus adalah pertubuhan sederhana (Carta 2.7).

Carta 2.7: PKS milikan wanita dalam sektor pertanian, 2010



Subsektor tanaman mencatatkan bilangan pertubuhan milikan wanita tertinggi, 76.9 peratus, diikuti oleh ternakan, 10.8 peratus, perikanan 10.2 peratus dan perhutanan & pembalakan, 2.1 peratus.


BAB 3 : PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN



3.1 Pengenalan

Data yang dipersembahkan dalam laporan ini adalah berkaitan prestasi PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian yang meliputi subsektor petroleum dan gas asli, perlombongan mineral dan pengkuarian batu bagi tahun rujukan 2010. PKS mewakili sebanyak 71.5 peratus (299) daripada jumlah pertubuhan (418) dalam sektor perlombongan dan pengkuarian. PKS bersaiz kecil menyumbang jumlah terbesar pertubuhan iaitu sebanyak 126 atau 42.1 peratus daripada jumlah ini, diikuti oleh sederhana 116 atau 38.8 peratus manakala 57 pertubuhan atau 19.1 peratus dikategorikan sebagai mikro (Carta 3.1).

Carta 3.1 : PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010



3.2 Petunjuk makro utama

Jadual 3.1 menunjukkan nilai output kasar yang dijana oleh PKS dalam sektor ini berjumlah RM1.1 bilion atau 1.1 peratus daripada jumlah output kasar keseluruhan sebanyak RM102.6 bilion. PKS bersaiz sederhana menyumbang 69.1 peratus atau RM763.9 juta daripada jumlah ini. Corak yang sama turut diperhatikan dalam taburan mengikut nilai ditambah di mana PKS bersaiz sederhana meliputi 71.6 peratus atau RM270.8 juta.

PKS dalam sektor ini mencatatkan jumlah pekerja seramai 5,765 orang atau 17.9 peratus daripada jumlah keseluruhan 32,216 orang. Gaji & upah yang dibayar oleh PKS adalah sebanyak RM129.7 juta atau 4.3 peratus daripada jumlah gaji & upah dibayar (RM3.0 bilion).

Jadual 3.1 : Petunjuk makro utama PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010

Pembolehubah	Jumlah	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Nilai output kasar (RM juta)	102,617.5	1,105.4	1.1	39.1	3.5	302.4	27.4	763.9	69.1
Nilai ditambah (RM juta)	88,697.2	378.1	0.4	12.6	3.3	94.7	25.1	270.8	71.6
Guna tenaga (orang)	32,216	5,765	17.9	274	4.8	1,454	25.2	4,037	70.0
Gaji & upah (RM juta)	2,997.8	129.7	4.3	4.2	3.2	30.5	23.5	95.0	73.3

3.3 PKS mengikut subsektor

Jadual 3.2 menunjukkan taburan PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz. Seperti yang dinyatakan di atas, majoriti PKS adalah bersaiz kecil. Antara kedua-dua subsektor, pengkuarian batu merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi bersaiz kecil, 104 pertubuhan (41.6 peratus). Sementara itu, subsektor perlombongan mineral mencatatkan 22 pertubuhan atau 44.9 peratus. Manakala, bagi petroleum dan gas asli tiada pertubuhan yang dikategorikan sebagai PKS.

Jadual 3.2 : PKS dalam subsektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010

Subsektor	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Jumlah	299	100.0	57	19.1	126	42.1	116	38.8
Perlombongan mineral	49	100.0	6	12.2	22	44.9	21	42.9
Pengkuarian batu	250	100.0	51	20.4	104	41.6	95	38.0

3.4 PKS mengikut taraf sah

Majoriti pertubuhan berstatus PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian beroperasi sebagai syarikat sendirian berhad yang mewakili 82.3 peratus. PKS yang bertaraf sah hak milik perseorangan mewakili 11.0 peratus, manakala perkongsian dan lain-lain menyumbang sebanyak 6.7 peratus (Jadual 3.3). Taburan PKS dalam kategori syarikat sendirian berhad menunjukkan bahawa PKS bersaiz sederhana merekodkan bilangan terbesar dengan 112 pertubuhan. Ini diikuti oleh PKS bersaiz kecil dengan 101 pertubuhan dan PKS bersaiz mikro dengan 33 pertubuhan. Sementara itu, bagi kategori hak milik perseorangan, PKS mikro mencatatkan bilangan tertinggi dengan 17 pertubuhan.


Jadual 3.3 : PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut taraf sah dan saiz, 2010

Taraf sah	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Jumlah	299	100.0	57	19.1	126	42.1	116	38.8
Hak milik perseorangan	33	11.0	17	5.7	16	5.4	-	-
Perkongsian	20	6.7	7	2.3	9	3.0	4	1.3
Syarikat sendirian berhad	246	82.3	33	11.0	101	33.8	112	37.5

3.5 PKS mengikut negeri

Taburan PKS mengikut negeri dalam Carta 3.2 menunjukkan bahawa Perak merekodkan bilangan PKS terbesar dengan 84 pertubuhan atau 28.1 peratus. Ini diikuti oleh Terengganu dengan 37 pertubuhan (12.4 peratus) dan Kelantan dengan 30 pertubuhan (10.0 peratus). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang separuh daripada jumlah PKS di sektor ini.

Carta 3.2 : PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut negeri, 2010



Nota: Negeri lain termasuk Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, W.P. Kuala Lumpur dan Perlis

3.6 Guna tenaga dan gaji & upah dalam PKS

Dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, PKS mencatatkan jumlah pekerja seramai 5,765 orang. PKS bersaiz sederhana merekodkan bilangan pekerja paling ramai iaitu 4,037 orang atau 70.0 peratus daripada jumlah pekerja. Ini seterusnya dicerminkan dalam bayaran gaji & upah iaitu sebanyak RM95.0 juta (73.3 peratus). PKS bersaiz kecil pula mencatatkan seramai 1,454 pekerja (25.2 peratus) dengan bayaran gaji & upah sebanyak RM30.5 juta (23.5 peratus). Baki 274 pekerja (4.8 peratus) direkodkan oleh pertubuhan PKS bersaiz mikro dengan bayaran gaji & upah sebanyak RM4.2 juta (3.2 peratus) (Jadual 3.4).

Jadual 3.4 : Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sector perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010

Saiz	Bil. pekerja	%	Gaji & upah (RM juta)	%
PKS	5,765	100.0	129.7	100.0
Mikro	274	4.8	4.2	3.2
Kecil	1,454	25.2	30.5	23.5
Sederhana	4,037	70.0	95.0	73.3

Antara kategori pekerja, pekerja sepenuh masa menyumbang 96.4 peratus daripada jumlah guna tenaga (Jadual 3.5). Pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji hanya menyumbang 1.2 peratus. Seperti ditunjukkan dalam Jadual, bilangan pekerja lelaki dalam PKS sektor ini adalah sebanyak 5,114 atau 88.7 peratus daripada jumlah 5,765 orang. Selebihnya iaitu 651 orang (11.3 peratus) adalah pekerja perempuan.


Jadual 3.5 : Guna tenaga mengikut kategori pekerja dan jantina dalam PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian, 2010

Kategori pekerja	Jumlah	%	Lelaki	%	Perempuan	%
Jumlah	5,765	100.0	5,114	88.7	651	11.3
Pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji	68	1.2	60	1.0	8	0.1
Pekerja sepenuh masa	5,560	96.4	4,924	85.4	636	11.1
• Pengurusan, profesional dan eksekutif	555	9.6	471	8.2	84	1.5
• Teknikal dan penyeliaan	374	6.5	364	6.3	10	0.2
• Perkeranian dan pekerjaan berkaitan	564	9.8	97	1.7	467	8.1
• Lain-lain	4,067	70.5	3,992	69.2	75	1.3
Pekerja sambilan	137	2.4	130	2.3	7	0.1

3.7 Pertubuhan milikan wanita dalam PKS

Carta 3.3 menunjukkan bilangan PKS milikan wanita dalam sektor perlombongan dan pengkuarian. Hanya 9.0 peratus atau 27 pertubuhan dimiliki oleh wanita daripada 299 pertubuhan berstatus PKS. Pertubuhan kecil mendominasi PKS milikan wanita iaitu 40.7 peratus, pertubuhan sederhana 33.3 peratus dan pertubuhan mikro, 25.9 peratus.

Carta 3.3 : Pertubuhan milikan wanita PKS dalam sektor perlombongan dan pengkuarian mengikut saiz, 2010




BAB 4 : PEMBUATAN



4.1 Pendahuluan

Pada tahun 2010, terdapat 37,861 pertubuhan (95.4 peratus) dikategorikan sebagai PKS di dalam sektor pembuatan daripada jumlah 39,669 pertubuhan. Pertubuhan mikro menyumbang sebanyak 21,619 pertubuhan atau lebih daripada separuh jumlah PKS, sementara pertubuhan bersaiz kecil adalah 13,934 atau 36.8 peratus dan saiz sederhana, 2,308 atau 6.1 peratus (Carta 4.1).

Carta 4.1 : PKS dalam sektor pembuatan mengikut saiz, 2010



4.2 Indikator makro PKS

Nilai output kasar yang dijana oleh PKS adalah RM194.0 bilion (23.2 peratus) berbanding dengan jumlah output kasar dalam sektor pembuatan iaitu RM836.5 bilion. Nilai ditambah adalah RM38.1 bilion atau 22.3 peratus daripada jumlah nilai ditambah bagi sektor pembuatan, RM170.7 bilion (Jadual 4.1).

Jadual 4.1 : Indikator makro PKS dalam sektor pembuatan, 2010

Indikator makro	Jumlah	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Nilai output kasar (RM juta)	836,494	194,032	23.2	3,853	2.0	59,540	30.7	130,639	67.3
Nilai ditambah (RM juta)	170,673	38,058	22.3	1,344	3.5	14,348	37.7	22,366	58.8
Guna tenaga (orang)	1,812,360	698,713	38.6	67,892	9.7	360,299	51.6	270,522	38.7

Pertubuhan bersaiz sederhana menyumbang kira-kira dua per tiga kepada output kasar iaitu sebanyak RM130.6 bilion, sementara PKS bersaiz kecil dan mikro menyumbang baki satu per tiga. Penyumbang utama kepada nilai ditambah adalah pertubuhan PKS bersaiz sederhana, iaitu sebanyak 58.8 peratus.

Jumlah guna tenaga yang dihasilkan oleh PKS adalah 698,713 orang atau 38.6 peratus daripada jumlah guna tenaga sebanyak 1,812,360. Pertubuhan bersaiz kecil menggaji separuh daripada jumlah guna tenaga, diikuti oleh pertubuhan bersaiz sederhana, 38.7 peratus.

4.3 PKS dalam subsektor pembuatan terpilih

Jadual 4.2 menunjukkan sumbangan PKS dalam subsektor pembuatan terpilih kepada output kasar dan nilai ditambah. PKS dalam Pembuatan produk makanan menyumbang nilai output kasar yang paling tinggi sebanyak RM69.5 bilion (35.9 peratus) dan nilai ditambah sebanyak RM8.3 bilion (21.9 peratus). Ini diikuti oleh Pembuatan produk getah dan plastik dengan nilai output kasar sebanyak RM22.0 bilion (11.3 peratus), Pembuatan kimia dan produk kimia, RM20.3 bilion (10.5 peratus), Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan, RM11.8 bilion (6.0 peratus) dan Pembuatan logam asas, RM11.4 bilion (5.9 peratus). Secara kumulatifnya kelima-lima subsektor ini menyumbang lebih dua per tiga daripada nilai output kasar (RM135.0 bilion) dan separuh dari nilai ditambah (RM22.0 bilion).

Jadual 4.2 : Output kasar dan nilai ditambah PKS mengikut subsektor pembuatan terpilih, 2010


Keterangan	Output kasar (RM bilion)	%	Nilai ditambah (RM bilion)	%
Pembuatan produk makanan	69.5	35.9	8.3	21.9
Pembuatan produk getah dan plastik	22.0	11.3	4.1	10.8
Pembuatan kimia dan produk kimia	20.3	10.5	4.9	12.9
Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan	11.8	6.0	2.9	7.5
Pembuatan logam asas	11.4	5.9	1.8	4.7
Jumlah	135.0	69.6	22.0	57.8

4.4 PKS mengikut taraf sah dan saiz

Carta 4.2 menunjukkan bahawa majoriti PKS beroperasi di bawah hak milik perseorangan, 20,022 pertubuhan (52.9 peratus). Ini diikuti oleh syarikat sendirian berhad, 14,333 pertubuhan (37.8 peratus) dan Lain-lain 3,506 (9.3 peratus).

Dari segi saiz, Hak Milik Perseorangan adalah terutama daripada mikro, 17,355 pertubuhan (86.7 peratus) manakala pertubuhan kecil meliputi bilangan tertinggi dalam Syarikat Sendirian Berhad, 9,812 pertubuhan (68.5 peratus).

Carta 4.2 : PKS dalam sektor pembuatan mengikut taraf sah dan saiz , 2010




*Termasuk Perkongsian, Syarikat Awam Berhad, Syarikat Koperasi, dll

4.5 PKS mengikut negeri

Taburan PKS mengikut negeri ditunjukkan di Carta 4.3. Selangor mencatatkan bilangan PKS tertinggi dengan 8,314 pertubuhan (22.0 peratus). Ini diikuti oleh Johor dengan 4,828 pertubuhan atau 12.8 peratus. Sebagai tambahan kepada dua negeri ini, empat negeri lain mencatatkan lebih daripada 2,000 PKS. Ia adalah WP Kuala Lumpur, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Negeri-negeri yang dikategorikan sebagai Lain-lain yang mana menyumbang 4.0 peratus dari PKS adalah W.P. Labuan, Perlis dan Melaka.

Carta 4.3 : PKS dalam sektor pembuatan mengikut negeri, 2010




Lain-lain : Termasuk W.P Labuan, Perlis dan Melaka

4.6 Guna tenaga dan gaji & upah dalam PKS

Carta 4.4 menunjukkan daripada jumlah pekerja PKS sebanyak 698,713 orang, 95.7 peratus atau 668,342 orang merupakan pekerja bergaji. Pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji berjumlah 30,371 orang (4.3 peratus). Daripada segi pekerja bergaji, pekerja pengeluaran/operator menyumbang bilangan tertinggi, 449,523 (67.2 peratus). Perkadaran pekerja PKS dalam tiga kategori, Pengurusan & profesional, Teknikal & penyeliaan dan Pekerja am adalah hampir sama, 8.0 hingga 8.5 peratus.

Carta 4.4 : Guna tenaga PKS dalam sektor pembuatan mengikut kategori pekerja , 2010



Jumlah pekerja PKS : 698,713 orang

- Pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji
- Pekerja bergaji

Pekerja bergaji PKS : 668,342 orang

- Pengurusan & profesional
- Teknikal & penyeliaan
- Perkeranian & pekerjaan yang berkaitan
- Pekerja am
- Pekerja pengeluaran/operator
- Pekerja sambilan

Gaji & upah yang dibelanjakan oleh PKS adalah sebanyak RM13.1 bilion. Daripada jumlah ini, RM6.0 bilion (45.8 peratus) adalah dibayar kepada Pekerja pengeluaran/operator. Kategori Pengurusan & profesional menerima gaji & upah berjumlah RM3.6 bilion (27.2 peratus) walaupun bilangan pekerja hanya 53,114 orang (8.0 peratus). Kategori ini juga menerima purata gaji & upah tahunan yang paling tinggi iaitu RM67,066 (Jadual 4.3). Sementara itu, pekerja dalam kategori Teknikal dan penyeliaan pula menerima purata gaji & upah tahunan sebanyak RM29,635.


Jadual 4.3 : Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembuatan, 2010

Kategori pekerja	Pekerja bergaji		Gaji & upah		Purata gaji & upah diterima bagi setahun (RM)
	Bilangan	%	RM juta	%	
Pengurusan & profesional	53,114	8.0	3,562	27.2	67,066
Teknikal & penyeliaan	56,631	8.5	1,678	12.8	29,635
Perkeranian dan pekerjaan berkaitan	54,927	8.2	1,146	8.8	20,862
Pekerja am	40,545	6.1	604	4.6	14,884
Pekerja pengeluaran/operator	449,523	67.2	5,984	45.8	13,313
Pekerja sambilan	13,602	2.0	105	0.8	7,687
Jumlah	668,342	100.0	13,079	100.0	19,569

4.7 PKS milikan wanita

Jadual 4.5 menunjukkan pertubuhan PKS milikan wanita sebanyak 8,779 atau 23.2 peratus daripada jumlah pertubuhan dalam sektor pembuatan. Pertubuhan mikro mendominasi PKS milikan wanita iaitu 89.6 peratus atau 7,867 pertubuhan. Sebaliknya, pertubuhan bersaiz sederhana adalah kurang dari 1.0 peratus.

Carta 4.5 : PKS milikan wanita dalam sektor pembuatan, 2010




BAB 5 : PEMBINAAN



5.1 Pengenalan

PKS mewakili 87.1 peratus atau 19,283 daripada keseluruhan pertubuhan sebanyak 22,140 yang dicatatkan dalam sektor pembinaan. Berdasarkan saiz, PKS yang dikelaskan sebagai pertubuhan mikro merupakan penyumbang tertinggi sebanyak 44.5 peratus atau 8,587 pertubuhan diikuti oleh kecil, 34.9 peratus (6,725) dan sederhana, 20.6 peratus (3,971) (Carta 5.1).

Carta 5.1 : PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010



5.2 Nilai output kasar dan nilai ditambah

Nilai output kasar yang dijana oleh PKS berjumlah RM20.1 bilion (22.0 peratus) daripada jumlah keseluruhan output kasar sebanyak RM91.3 bilion dalam sektor pembinaan. Manakala dari segi nilai ditambah, sumbangannya hampir sama iaitu 23.6 peratus daripada jumlah RM31.9 bilion. Pertubuhan saiz sederhana menyumbang RM12.9 bilion atau dua per tiga daripada output kasar berbanding bilangan pertubuhan yang paling sedikit dalam kategori ini iaitu 3,971 atau 20.6 peratus. Corak yang sama, PKS saiz sederhana juga merekodkan nilai ditambah tertinggi iaitu RM4.8 bilion atau 63.2 peratus. Walaupun sejumlah besar pertubuhan dikategorikan sebagai pertubuhan mikro, ia hanya menyumbang RM1.2 bilion (6.1 peratus) kepada jumlah keseluruhan nilai output kasar dan RM0.5 bilion (7.2 peratus) kepada nilai ditambah (Jadual 5.1).

Jadual 5.1 : Nilai output kasar dan nilai ditambah PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010

Saiz	Bilangan pertubuhan	%	Nilai output kasar (RM juta)	%	Nilai ditambah (RM juta)	%
PKS	19,283	100	20,118	100	7,537	100
Mikro	8,587	44.5	1,219	6.1	545	7.2
Kecil	6,725	34.9	6,001	29.8	2,227	29.6
Sederhana	3,971	20.6	12,898	64.1	4,764	63.2

5.3 PKS mengikut subsektor pembinaan

Jadual 5.2 menunjukkan profil PKS dalam subsektor pembinaan. Sektor pembinaan terdiri daripada subsektor kediaman, bukan kediaman, kejuruteraan awam dan pertukangan khas. Majoriti PKS didominasi oleh subsektor pertukangan khas dengan nilai output kasar RM7.4 bilion (36.6 peratus) dan nilai ditambah, RM2.8 bilion (37.0 peratus). Ini diikuti oleh subsektor bukan kediaman dengan nilai output kasar sebanyak RM5.0 bilion (25.0 peratus). Manakala sumbangan subsektor kejuruteraan awam dan kediaman kepada nilai output kasar masing-masing adalah RM4.0 bilion (19.7 peratus) dan RM3.8 billion (18.7 peratus). Corak yang sama juga boleh dilihat bagi peratus sumbangan nilai ditambah PKS seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

Jadual 5.2 : PKS dalam subsektor pembinaan mengikut nilai output kasar dan nilai ditambah, 2010

Subsektor	Bilangan pertubuhan	%	Nilai output kasar (RM juta)	%	Nilai ditambah (RM juta)	%
PKS	19,283	100	20,118	100	7,537	100.0
Kediaman	3,337	17.3	3,770	18.7	1,409	18.7
Bukan kediaman	4,149	21.5	5,022	25.0	1,835	24.4
Kejuruteraan awam	4,050	21.0	3,957	19.7	1,501	19.9
Pertukangan khas	7,747	40.2	7,369	36.6	2,792	37.0

5.4 PKS mengikut taraf sah

Jadual 5.3 menunjukkan bahawa kebanyakan pertubuhan berstatus PKS dalam sektor pembinaan beroperasi sebagai hak milik perseorangan, 10,085 pertubuhan (52.3 peratus) diikuti oleh syarikat sendirian berhad 7,502 pertubuhan (38.9 peratus), dan perkongsian 1,624 pertubuhan (8.4 peratus). Di kalangan PKS, taraf sah bagi pertubuhan mikro adalah dikuasai hak milik perseorangan iaitu 6,589 pertubuhan (76.7 peratus). Syarikat sendirian berhad mendominasi dalam kategori PKS sederhana dan kecil, masing-masing dengan 3,103 pertubuhan (78.1 peratus) dan 3,150 pertubuhan (46.8 peratus).


Jadual 5.3 : PKS dalam sektor pembinaan mengikut taraf sah dan saiz, 2010

Taraf sah	PKS	%	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Jumlah	19,283	100	8,587	100	6,725	100	3,971	100
Hak milik perseorangan	10,085	52.3	6,589	76.7	2,904	43.2	592	14.9
Perkongsian	1,624	8.4	716	8.3	644	9.6	264	6.6
Syarikat sendirian berhad	7,502	38.9	1,249	14.5	3,150	46.8	3,103	78.1
Lain-lain	72	0.3	33	0.4	27	0.4	12	0.5

5.5 PKS mengikut negeri

Di kalangan negeri, PKS di Selangor merekodkan nilai output kasar terbesar dengan RM5.9 bilion atau 29.5 peratus daripada keseluruhan output kasar, diikuti oleh Johor dengan RM2.9 bilion (14.6 peratus) dan W.P.KL dengan RM2.5 bilion (12.6 peratus). Corak yang sama juga dari segi susunan kedudukan bilangan pertubuhan tertinggi bagi ketiga-tiga negeri ini dengan output kasar iaitu masing-masing sebanyak 6,019 pertubuhan (31.2 peratus) di Selangor, 2,407 pertubuhan (12.5 peratus) di Johor dan 1,980 pertubuhan (10.3 peratus) di W.P.KL. Jumlah pertubuhan PKS di ketiga-tiga negeri ini berjumlah lebih 50 peratus daripada pertubuhan PKS dalam sektor pembinaan (Carta 5.2).

Carta 5.2 : PKS dalam sektor pembinaan mengikut negeri, 2010



5.6 Guna tenaga dan gaji & upah

PKS dalam sektor pembinaan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada sejumlah 261,934 pekerja bergaji (Jadual 5.4). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besarnya 154,206 pekerja (58.9 peratus) terlibat dalam pertubuhan bersaiz sederhana. Pertubuhan bersaiz kecil menggaji 77,876 orang (29.7 peratus) manakala 29,852 orang (11.4 peratus) digaji oleh pertubuhan mikro. Jumlah gaji & upah yang dibayar berjumlah RM4.4 bilion dengan pertubuhan bersaiz sederhana membayar sebanyak RM2.9 bilion (65.6 peratus) diikuti oleh pertubuhan kecil RM1.2 bilion (28.2 peratus) dan pertubuhan mikro RM0.3 bilion (6.1 peratus).

Jadual 5.4 : Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor pembinaan mengikut saiz, 2010

Saiz	Bilangan pekerja bergaji	%	Gaji & upah (RM juta)	%
PKS	261,934	100	4,403	100
Mikro	29,852	11.4	270	6.1
Kecil	77,876	29.7	1,243	28.2
Sederhana	154,206	58.9	2,890	65.6

Jadual 5.5 menunjukkan taburan gaji & upah bagi pekerja bergaji sepenuh masa mengikut kategori pekerja. Terdapat 200,670 orang (78.3 peratus) bekerja sebagai pekerja binaan/operatif dengan gaji & upah berjumlah RM2.7 bilion (63.1 peratus). Manakala, bilangan pekerja bergaji bagi kategori pengurusan dan profesional adalah seramai 16,839 orang (6.6 peratus) dan gaji & upah yang dibayar adalah RM0.8 bilion (18.5 peratus). Purata gaji & upah tahunan yang diterima bagi kategori pengurusan dan profesional adalah RM47,865. Ini diikuti oleh teknikal dan penyeliaan, RM27,529, perkeranian, RM16,904 dan pekerja am, RM16,517.


Jadual 5.5 : Gaji & upah bagi pekerja bergaji sepenuh masa PKS dalam sektor pembinaan, 2010

Kategori pekerja	Pekerja sepenuh masa		Gaji & upah		Purata gaji & upah diterima bagi setahun (RM)
	Bilangan	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Jumlah	256,276	100.0	4,353	100.0	16,986
• Pengurusan dan profesional	16,839	6.6	806	18.5	47,865
• Teknikal dan penyeliaan	13,876	5.4	382	8.8	27,529
• Perkeranian	17,747	6.9	300	6.9	16,904
• Pekerja binaan/operatif	200,670	78.3	2,747	63.1	13,689
• Pekerja am	7,144	2.8	118	2.7	16,517

5.7 PKS milikan wanita

Carta 5.3 menunjukkan bilangan dan sumbangan pertubuhan milikan wanita dalam sektor pembinaan. Daripada keseluruhan 19,283 pertubuhan berstatus PKS dalam sektor pembinaan, hanya 1,190 (6.2 peratus) pertubuhan dikategorikan sebagai pertubuhan milikan wanita. Ini merangkumi pertubuhan bersaiz mikro 479 (40.3 peratus), diikuti oleh pertubuhan kecil 437 (36.7 peratus) dan pertubuhan sederhana 274 (23.0 peratus).

Carta 5.3 : Pertubuhan milikan wanita mengikut PKS, 2010




BAB 6 : PERKHIDMATAN



6.1 Pendahuluan

Pada tahun 2010, PKS menyumbang 98.2 peratus daripada jumlah pertubuhan (591,883) dalam sektor perkhidmatan. Pertubuhan yang dikategorikan sebagai mikro menyumbang 79.6 peratus (462,420), diikuti oleh kecil, 18.3 peratus (106,061) dan sederhana, 2.2 peratus (12,504) seperti yang ditunjukkan dalam Carta 6.1.

Carta 6.1: PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010




6.2 Nilai output kasar dan nilai ditambah

PKS dalam sektor perkhidmatan menjana RM286.6 bilion atau 41.3 peratus daripada jumlah output kasar (RM693.4 bilion) dan RM165.3 bilion atau 42.9 peratus daripada jumlah nilai ditambah (RM385.1 bilion). Penyumbang tertinggi kepada nilai output kasar dan nilai ditambah adalah pertubuhan kecil, dengan pembahagian masing-masing sebanyak 45.8 peratus dan 46.3 peratus. Berdasarkan bilangan, pertubuhan kecil mewakili 18.2 peratus. Ini diikuti dengan pertubuhan mikro yang menyumbang satu pertiga daripada output kasar dan nilai ditambah (Carta 6.2).

Fakta yang menarik perhatian adalah pertubuhan mikro mewakili lebih daripada tiga perempat PKS. Diperhatikan bahawa pola ini adalah sama kepada nilai ditambah.

Carta 6.2: Nilai output kasar dan nilai ditambah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010



PKS dalam Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merupakan penyumbang terbesar kepada nilai output kasar sebanyak 45.1 peratus. Bagi perkhidmatan lain di mana sumbangannya adalah besar adalah Perkhidmatan Kewangan, 15.1 peratus; Makanan & Minuman, 11.1 peratus dan Pengangkutan & Penyimpanan, 6.8 peratus.

6.3 PKS mengikut subsektor Perkhidmatan terpilih

Jadual 6.1 menunjukkan penguasaan pertubuhan mikro dalam subsektor perkhidmatan terpilih. Pertubuhan mikro diwakili sebanyak 93.8 peratus oleh Perkhidmatan Persendirian & Lain-Lain Aktiviti, 86.9 peratus dalam Pengangkutan & Penyimpanan dan 83.2 peratus dalam Kesenian, Hiburan & Rekreasi. Pembahagian pertubuhan saiz sederhana bagi subsektor ini adalah kecil, kurang daripada 3.5 peratus. Bagi pertubuhan bersaiz kecil, didapati sebahagian besar pertubuhan dalam subsektor Maklumat & Komunikasi, 46.4 peratus; Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara, 41.1 peratus dan aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal, 38.8 peratus. Di antara pertubuhan saiz sederhana dalam PKS sektor perkhidmatan, subsektor Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara memberi peratus sumbangan pertubuhan yang signifikan sebanyak 43.9 peratus.


Jadual 6.1: PKS dalam subsektor perkhidmatan terpilih mengikut saiz, 2010

Subsektor	PKS	Mikro	%	Kecil	%	Sederhana	%
Jumlah perkhidmatan	580,985	462,420	79.6	106,061	18.3	12,504	2.2
Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti	36,721	34,427	93.8	2,218	6.0	76	0.2
Pengangkutan dan penyimpanan	40,025	34,790	86.9	3,901	9.7	1,334	3.3
Kesenian, hiburan dan rekreasi	6,217	5,174	83.2	874	14.1	169	2.7
Perkhidmatan makanan dan minuman	142,721	117,020	82.0	24,459	17.1	1,242	0.9
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	289,798	228,113	78.7	55,048	19.0	6,637	2.3

6.4 PKS mengikut tarah sah

Majoriti PKS di dalam sektor perkhidmatan beroperasi sebagai pemilik perseorangan, 73.1 peratus. Syarikat sendirian berhad di dalam PKS mewakili 16.2 peratus manakala perkongsian menyumbang 8.5 peratus (Carta 6.3). Taraf sah pertubuhan mikro didominasi oleh pemilik perseorangan, 81.7 peratus. Syarikat sendirian berhad adalah dominan dalam PKS sederhana dan kecil, dengan sumbangan masing-masing sebanyak 76.3 peratus dan 41.4 peratus.


Carta 6.3: PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz dan taraf sah, 2010



6.5 PKS mengikut negeri

Selangor mencatatkan bilangan PKS tertinggi sebanyak 110,714 pertubuhan atau 19.1 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan 78,085 pertubuhan atau 13.4 peratus; Johor, 60,618 pertubuhan atau 10.4 peratus dan Perak, 53,322 pertubuhan atau 9.2 peratus (Carta 6.4).

Carta 6.4: PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut negeri, 2010



Kelantan merekodkan jumlah terbesar pertubuhan mikro mewakili sebanyak 93.1 peratus daripada PKS di negeri berkenaan, diikuti oleh Terengganu, 89.7 peratus; Perlis, 89.1 peratus dan Kedah, 88.4 peratus.

6.6 Guna tenaga dan gaji & upah

Bilangan pekerja PKS dalam sektor perkhidmatan adalah seramai 1,973,083 orang atau 75.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja pada tahun 2010. Pertubuhan kecil menggaji pekerja yang paling ramai iaitu 928,609 orang atau 47.1 peratus pekerja bergaji. Pertubuhan mikro menggaji 659,539 orang atau 33.4 peratus pekerja bergaji manakala baki 384,935 orang atau 19.5 peratus digaji dalam pertubuhan saiz sederhana (Jadual 6.2).

Jadual 6.2: Guna tenaga dan gaji & upah PKS dalam sektor perkhidmatan mengikut saiz, 2010

	Pekerja bergaji (bilangan)	%	Gaji & upah (RM bilion)	%	Purata gaji tahunan (RM)
PKS	1,973,083	100	36.1	100	18,323
Mikro	659,539	33.4	8.9	24.8	13,588
Kecil	928,609	47.1	18.1	50.0	19,461
Sederhana	384,935	19.5	9.1	25.2	23,689


PKS menggaji sebahagian besar pekerja lelaki yang mewakili lebih daripada separuh jumlah tenaga kerja PKS sektor perkhidmatan iaitu 56.8 peratus (1,483,233) manakala pekerja perempuan menyumbang kepada baki 43.2 peratus (1,127,140). Di kalangan pekerja bergaji sepenuh masa, nisbah pekerja lelaki dan perempuan masing-masing sebanyak 54.4 peratus dan 45.6 peratus.

Gaji dan upah yang dibayar oleh PKS di dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM36.1 bilion atau 44.4 peratus dari jumlah gaji dan upah yang dibayar (RM81.4 bilion). Di dalam PKS, pertubuhan kecil membayar RM18.1 bilion (50.0 peratus), diikuti oleh pertubuhan sederhana RM9.1 bilion (25.2 peratus) dan pertubuhan mikro RM8.9 bilion (24.8 peratus). Purata gaji tahunan bagi setiap pekerja adalah RM18,323. Pekerja bagi pertubuhan saiz sederhana menerima gaji tahunan tertinggi, RM23,689 berbanding pertubuhan kecil dan mikro, masing-masing RM19,461 dan RM13,588.

6.7 PKS milikan wanita

Pada tahun 2010, PKS yang dimiliki oleh wanita dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak 116,340 pertubuhan atau 20.0 peratus. Daripada jumlah ini, 102,822 pertubuhan atau 88.4 peratus adalah bersaiz mikro, diikuti oleh kecil sebanyak 12,852 pertubuhan atau 11.0 peratus dan sederhana sebanyak 666 pertubuhan atau 0.6 peratus (Carta 6.5).

Carta 6.5: PKS milikan wanita dalam sektor Perkhidmatan mengikut saiz, 2010





NOTA TEKNIKAL

Nota Teknikal

Pendahuluan Laporan ini membekalkan maklumat profil enterpris kecil dan sederhana bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.

Definisi PKS Definisi PKS yang digunakan dalam laporan ini menggunakan definisi yang telah diputuskan oleh Majlis PKS Kebangsaan dan digunapakai oleh semua agensi berkaitan. Definisi PKS adalah berdasarkan kepada dua kriteria iaitu pekerja sepenuh masa atau hasil jualan tahunan. Sesuatu pertubuhan diklasifikasikan sebagai PKS jika ia memenuhi salah satu kriteria di atas. Jadual di bawah merumuskan definisi PKS untuk setiap sektor tertentu:

Sektor	Pembuatan	Pertanian, Perlombongan dan Pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan
Bilangan pekerja sepenuh masa		
Mikro	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada 5 pekerja
Kecil	Daripada 5 dan 50 pekerja	Daripada 5 dan kurang daripada 20 pekerja
Sederhana	Daripada 51 dan 150 pekerja	Daripada 20 dan 50 pekerja
Hasil jualan tahunan		
Mikro	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Antara RM250,000 dan kurang daripada RM10 juta	Antara RM200,000 dan kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Antara RM10 juta dan RM25 juta	Antara RM1 juta dan RM5 juta

Kuasa Perundangan Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.

Skop & liputan Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Sumber maklumat utama rangka pertubuhan diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain daripada SSM, maklumat rangka banci juga dikemas kini daripada sumber seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Jabatan Mineral & Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas (JBE), pelbagai persatuan perniagaan dan perdagangan, iklan surat khabar dan laman web. Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan merekodkan sebarang perubahan status yang berlaku kepada pertubuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti, lokasi kilang atau alamat pos.

Dalam banci ini, usahawan dalam sektor pertanian yang hanya mendaftar dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau agensi-agensi kerajaan yang lain bagi maksud menerima bantuan **TIDAK** diliputi.

Bagi penerbitan ini, data Perdagangan Edaran yang merangkumi Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor telah dianggarkan menggunakan data daripada Banci Perdagangan Edaran yang dilaksanakan pada tahun 2009 bagi tahun rujukan 2008. Anggaran dibuat dengan menggunakan kadar pertumbuhan tahunan purata yang diperolehi daripada data Perdagangan Edaran Bulanan bagi tempoh 2008 hingga 2010 terhadap data Perdagangan Edaran 2008 tersebut.

Metodologi

Bagi aktiviti lain, banci dilaksanakan secara meluas dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.

Banci dilaksanakan secara '*area listing*' bagi aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman. Maklumat yang diperlukan dipungut melalui penghitungan luar. Responden ditemuramah secara terus oleh pegawai luar yang terlibat.

Unit melapor

Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan **pertubuhan**. Pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal". Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktisnya, akaun biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk diasingkan mengikut unit atau cawangan. Entiti atau enterpris berkenaan dianggap sebagai satu pertubuhan dan dibenarkan menghantar satu borang soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangan.

Tahun banci

Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.

Tahun rujukan	Tahun rujukan bagi banci ini ialah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun perakaunan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.
Jenis aktiviti perniagaan	Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder adalah sampingan atau sokongan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. MSIC 2008 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.
Konsep dan definisi	<p>Definisi yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Definisi tersebut adalah termasuk aktiviti berikut:</p> <p>(i) Pertanian ditakrifkan sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, haiwan atau produk haiwan lain daripada ladang atau habitat semulajadi. Takrifan ini juga termasuk tanaman dan pengeluaran hasil ternakan, aktiviti perkhidmatan berkaitan pertanian, perhutanan dan pembalakan. b) Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasas kayu. Meliputi pengekstrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. <p>(ii) Perlombongan dan pengkuarian ditakrifkan sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Perlombongan adalah ditakrif sebagai pengekstrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semulajadi, berbentuk pepejal seperti arang batu dan bijih, cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong permukaan, kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan

persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.

- b) Pengkuarian batu ditakrifkan sebagai pengekstrakan batu bangunan dan monumen; batuan untuk jalan dan batu baur konkrit, batu kapur, batu pasir, kuarzit, sabak, alunit, argilit, syal (batu lumpur), serpentinit, syenit, rionit, andesit, tuf, basalt, diorit, granodiorit, batu tembikar dan batu tukang dari bumi.

(iii) Pembuatan ditakrifkan sebagai:

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

(iv) Pembinaan ditakrifkan sebagai:

Pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya

(v) Perkhidmatan adalah termasuk:

- a) Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara; Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Pengangkutan & Penyimpanan; Maklumat & Telekomunikasi, Penginapan, Makanan & Minuman; Aktiviti Hartanah; Profesional, Saintifik & Teknikal; Aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan; Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti.
- b) Perdagangan edaran merangkumi perdagangan borong dan runcit, jualan dan pembaikan kenderaan bermotor & motosikal.
- c) Kewangan termasuk unit yang terlibat dalam aktiviti pengantaraan kewangan iaitu untuk mendapatkan dan pengagihan dana, dalam bentuk deposit oleh Bank Pusat dan institusi kewangan lain. Ia juga termasuk semua unit yang terlibat dalam dana insurans dan pencen dan juga aktiviti-aktiviti sokongan lain kepada pengantaraan kewangan.

(i) Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

(ii) Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

(iii) Syarikat sendirian berhad

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

(iv) Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

(v) Koperasi

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

(vi) Perbadanan awam

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

(vii) Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

(viii) Lain-lain

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

Struktur hak milik

Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/ pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.

Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan perbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai residen Malaysia.

Bukan residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai bukan residen Malaysia.

Nilai harta tetap

Harta tetap meliputi semua barangan, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka

dan penutup bagi tahun rujukan 2010 adalah berasakan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.

Jumlah pekerja Jumlah pekerja meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan **Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir** bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:

(i) Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam pertubuhan. Justeru itu, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.

(ii) Pekerja keluarga tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

(iii) Pekerja sepenuh masa

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

(iv) Pekerja sambilan

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan /atau kurang daripada 20 hari sebulan.

Gaji & upah Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk yang dibayar bonus, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. **Elaun** kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

Nilai output kasar

- (i) Nilai output kasar **pertanian** (tanaman, ternakan dan perikanan) dikirakan daripada item-item berikut:

Jualan daripada hasil pertanian

- Stok hasil pertanian (awal)
- + Stok hasil pertanian (akhir)
- + Pendapatan daripada kerja pertanian yang dibuat untuk pihak lain
- + Pendapatan daripada hasil pertanian yang diproses
- + Nilai jualan daripada barangan/bahan/produk berkaitan pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa proses selanjutnya
- + Pendapatan lain yang berkaitan dengan pertanian
- + Pendapatan daripada aktiviti pertanian lain
- + Pendapatan daripada sewa
- + Pendapatan daripada agro pelancongan
- + Nilai jualan barangan bukan pertanian yang dibeli untuk dijual semula
- Kos barangan/bahan/produk berkaitan dengan sektor pertanian yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya
- + Semua nilai output lain
- Barangan dalam proses dan stok barangan siap (awal)
- Kos barangan yang dijual (bukan Pertanian) yang dibeli untuk dijual semula
- + Barangan dalam proses dan stok barangan siap (akhir)

- (ii) Nilai output kasar **perlombongan & pengkuarian, pembuatan dan pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan elemen berikut:

Nilai jualan mineral/produk kuari/produk pembuatan dan nilai kerja pembinaan

- + Nilai barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti dibeli
- Kos barangan yang dijual dalam keadaan yang sama seperti yang dibeli
- + Perbelanjaan modal ke atas binaan sendiri
- + Pendapatan daripada Perkhidmatan perindustrian yang diberikan kepada orang lain
- + Pendapatan daripada kerja perindustrian lain
- + Penerimaan bayaran daripada skrap, tenaga elektrik, produk sisa, dll. yang dijual kepada orang lain
- + Penerimaan komisen dan brokeraj
- + Semua nilai output lain (seperti penerimaan perkhidmatan bukan perindustrian, misalnya bayaran pengurusan, sewa harta, dll.)
- + Stok akhir barangan siap
- Stok awal barangan siap
- + Stok akhir barangan sedang diproses
- Stok awal barangan sedang diproses

(iii) Nilai output kasar **perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan

- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain
- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- + Stok akhir
- Stok awal

Nilai input perantaraan

(i) Nilai input perantaraan **pertanian** (tanaman, ternakan dan perikanan) ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Nilai bahan dan bekalan yang digunakan

- + Kos bahan langsung yang digunakan dalam aktiviti tanaman
- + Jumlah bayaran ke atas kerja-kerja tanaman yang dibuat oleh pihak lain
- + Kos biji/benih tanaman jangka pendek
- + Perbelanjaan untuk aktiviti pertanian lain
- + Bahan dan bekas pembungkus yang digunakan
- + Bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan
- + Alat tulis dan bekalan pejabat yang digunakan
- + Air yang dibeli
- + Tenaga elektrik yang dibeli
- + Bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Bayaran pembaikan dan penyelenggaraan semasa yang dibuat oleh pihak lain bagi harta tetap pertubuhan ini
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Bayaran terhadap perkhidmatan bukan industri pertanian
- + Perbelanjaan ke atas agro pelancongan
- + Bayaran royalti kepada swasta: pelesenan teknologi
- + Bayaran royalti kepada swasta: lain-lain
- + Input lain
- + Bayaran kepada pengarah tidak bekerja kerana kehadiran mereka dalam mesyuarat Lembaga Pengarah

(ii) Nilai input perantaraan **perlombongan & pengkuarian, pembuatan dan pembinaan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Nilai bahan dan bekalan yang digunakan

- + Kos kerja perindustrian (memproses) yang dibuat oleh orang lain
- + Tenaga elektrik dan air yang dibeli
- + Nilai bahan pembakar, pelincir dan gas yang digunakan
- + Kos bahan yang digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan harta tetap (termasuk pembayaran kepada pihak lain ke atas kerja ini)
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Pembayaran terhadap perkhidmatan bukan perindustrian (termasuk bayaran bagi pengangkutan keluar barangan, perjalanan, pengurusan perundangan, teknologi maklumat, pengiklanan, bank, pos telekomunikasi, dll.)
- + Semua kos input lain (termasuk kos latihan dan nilai pakaian percuma yang disediakan kepada pekerja)

(iii) Nilai input perantaraan **perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan

- + Premium insurans
- + Royalti dan yuran paten
- + Caj bank
- + Pembelian elektrik dan air
- + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

Nilai ditambah Nilai ditambah adalah tambahan kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah pertubuhan. Nilai ditambah diperoleh daripada perbezaan antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.

Pertubuhan milikan wanita Merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti dipegang oleh wanita atau Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

Pembundaran Penjumlahan dan campuran komponen-komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar di dalam jadual-jadual dalam penerbitan ini disebabkan pembundaran angka.

Huruf ringkas

Huruf ringkas berikut telah digunakan di dalam keseluruhan penerbitan:

-	tiada
RM	Ringgit Malaysia
W.P.	Wilayah Persekutuan
t.t.t.l	tidak terkelas di tempat lain
dll.	dan lain-lain
0	nilai kurang daripada 0.5
0.0	nilai kurang daripada 0.05

Contents

	Page
Preface	ii
Chapter 1 : Overview of SMEs	3
Chapter 2 : Agriculture	13
Chapter 3 : Mining and Quarrying	21
Chapter 4 : Manufacturing	27
Chapter 5 : Construction	35
Chapter 6 : Services	41
Technical Notes	47

List of tables

Summary Tables

A1. Principal statistics by sector and size, 2010	1-1
A2. Principal statistics of SMEs by sector, 2003 and 2010	1-4
A3. Principal statistics of SMEs by state, 2010	1-5
A4. Principal statistics of SMEs by legal organisation, 2010	1-6
A5. Principal statistics of SMEs by ownership, 2010	1-6
A6. Principal statistics of SMEs by output size, 2010	1-7
A7. Principal statistics of SMEs by employment size, 2010	1-7
A8. Principal statistics of SMEs by fixed assets size, 2010	1-8
A9. Employment and salaries & wages of SMEs by category of workers and gender, 2010	1-9
A10. Employment and salaries & wages of SMEs by sector and size, 2010	1-10
A11. Sources of financing accessed by SMEs by size, 2010	1-12
A12. Marketing and promotion activities by SMEs by size, 2010	1-13
A13. Women-owned SMEs by sector and size, 2010	1-13
A14. Number of SMEs by years in operation and size, 2010	1-14

Detailed Tables by Sector

B. Agriculture

Principal statistics

B1.1 Principal statistics of SMEs in agriculture sub-sectors, 2010	2-1
---	-----

List of tables		Page
B1.2	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by state, 2010	2-2
B1.3	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by legal organisation, 2010	2-3
B1.4	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by ownership, 2010	2-3
B1.5	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by output size, 2010	2-4
B1.6	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by employment size, 2010	2-4
B1.7	Principal statistics of SMEs in agriculture sector by fixed assets size, 2010	2-5
Sub-sector and size		
B2.1	Number of SMEs in agriculture sub-sectors by size, 2010	2-6
B2.2	Value of gross output of SMEs in agriculture sub-sectors by size, 2010	2-6
B2.3	Value added of SMEs in agriculture sub-sectors by size, 2010	2-6
B2.4	Employment and salaries & wages of SMEs by agriculture sub-sectors and size, 2010	2-7
Legal organisation and size		
B3.1	Number of SMEs in agriculture sector by legal organisation and size, 2010	2-9
B3.2	Value of gross output of SMEs in agriculture sector by legal organisation and size, 2010	2-9
B3.3	Value added of SMEs in agriculture sector by legal organisation and size, 2010	2-9
B3.4	Employment and salaries & wages of SMEs in agriculture sector by legal organisation and size, 2010	2-10
Ownership and size		
B4.1	Number of SMEs in agriculture sector by ownership and size, 2010	2-12
B4.2	Value of gross output of SMEs in agriculture sector by ownership and size, 2010	2-12
B4.3	Value added of SMEs in agriculture sector by ownership and size, 2010	2-12
B4.4	Employment and salaries & wages of SMEs in agriculture sector by ownership and size, 2010	2-13
Additional tables		
B5.1	Employment and salaries & wages of SMEs in agriculture sector by category of workers and gender, 2010	2-14
B5.2	Value of fixed assets of SMEs in agriculture sector by size , 2010	2-15
B5.3	Number of SMEs in agriculture sector by years in operation and size, 2010	2-16
Sources of financing		
B6.1	Purpose of financing by SMEs in agriculture sector by size, 2010	2-17
B6.2	Sources of financing accessed by SMEs in agriculture sector by size, 2010	2-18

C. Mining and Quarrying**Principal statistics**

C1.1	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sub-sector, 2010	3-1
C1.2	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by state, 2010	3-1
C1.3	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by legal organisation, 2010	3-2
C1.4	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by ownership, 2010	3-2
C1.5	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by output size, 2010	3-3
C1.6	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by employment size, 2010	3-3
C1.7	Principal statistics of SMEs in mining and quarrying sector by fixed assets size, 2010	3-4

Sub-sector and size

C2.1	Number of SMEs in mining and quarrying sub-sectors by size, 2010	3-5
C2.2	Value of gross output of SMEs in mining and quarrying sub-sectors by size, 2010	3-5
C2.3	Value added of SMEs in mining and quarrying sub-sectors by size, 2010	3-5
C2.4	Employment and salaries & wages of SMEs by mining and quarrying sub-sectors and size, 2010	3-6

Legal organisation and size

C3.1	Number of SMEs in mining and quarrying sector by legal organisation and size, 2010	3-7
C3.2	Value of gross output of SMEs in mining and quarrying sector by legal organisation and size, 2010	3-7
C3.3	Value added of SMEs in mining and quarrying sector by legal organisation and size, 2010	3-7
C3.4	Employment and salaries & wages of SMEs in mining and quarrying sector by legal organisation and size, 2010	3-8

Additional tables

C4.1	Employment and salaries & wages of SMEs in mining and quarrying sector by category of workers and gender, 2010	3-9
C4.2	Value of fixed assets of SMEs in mining and quarrying sector by size, 2010	3-10
C4.3	Number of SMEs in mining and quarrying by years in operation and size, 2010	3-10

Sources of financing

C5.1	Purpose of financing by SMEs in mining and quarrying sector by size, 2010	3-11
C5.2	Sources of financing accessed by SMEs in mining and quarrying sector by size, 2010	3-12

D. Manufacturing**Principal statistics**

D1.1	Principal statistics of SMEs in manufacturing sub-sectors, 2010	4-1
D1.2	Principal statistics of SMEs in manufacturing by state, 2010	4-4
D1.3	Principal statistics of SMEs in manufacturing by legal organisation, 2010	4-5
D1.4	Principal statistics of SMEs in manufacturing by ownership, 2010	4-5
D1.5	Principal statistics of SMEs in manufacturing by output size, 2010	4-6
D1.6	Principal statistics of SMEs in manufacturing by employment size, 2010	4-6
D1.7	Principal statistics of SMEs in manufacturing by fixed assets size, 2010	4-7

Sub-sector and size

D2.1	Number of SMEs in manufacturing sub-sectors by size, 2010	4-8
D2.2	Value of gross output of SMEs in manufacturing sub-sectors by size, 2010	4-10
D2.3	Value added of SMEs in manufacturing sub-sectors by size, 2010	4-12
D2.4	Employment and salaries & wages of SMEs by manufacturing sub-sectors by size, 2010	4-14

Legal organisation and size

D3.1	Number of SMEs in manufacturing sector by legal organisation and size, 2010	4-21
D3.2	Value of gross output of SMEs in manufacturing sector by legal organisation and size, 2010	4-21
D3.3	Value added of SMEs in manufacturing sector by legal organisation and size, 2010	4-21
D3.4	Employment and salaries & wages of SMEs in manufacturing sector by legal organisation and size, 2010	4-22

Ownership and size

D4.1	Number of SMEs in manufacturing sector by ownership and size, 2010	4-24
D4.2	Value of gross output of SMEs in manufacturing sector by ownership and size, 2010	4-24
D4.3	Value added of SMEs in manufacturing sector by ownership and size, 2010	4-24
D4.4	Employment and salaries & wages of SMEs in manufacturing sector by ownership and size, 2010	4-25

Additional tables

D5.1	Employment and salaries & wages of SMEs in manufacturing sector by category of workers and gender, 2010	4-26
D5.2	Value of fixed assets of SMEs in manufacturing sector by size, 2010	4-27

List of tables	Page
D5.3 Number of SMEs in manufacturing sector by years in operation and size, 2010	4-27
Sources of financing	
D6.1 Purpose of financing by SMEs in manufacturing sector by size, 2010	4-28
D6.2 Sources of financing accessed by SMEs in manufacturing sector by size, 2010	4-29
E. Construction	
Principal statistics	
E1.1 Principal statistics of SMEs in construction sub-sectors, 2010	5-1
E1.2 Principal statistics of SMEs in construction sector by state, 2010	5-2
E1.3 Principal statistics of SMEs in construction sector by legal organisation, 2010	5-3
E1.4 Principal statistics of SMEs in construction sector by ownership, 2010	5-3
E1.5 Principal statistics of SMEs in construction sector by output size, 2010	5-4
E1.6 Principal statistics of SMEs in construction sector by employment size, 2010	5-4
E1.7 Principal statistics of SMEs in construction sector by fixed assets size, 2010	5-5
Sub-sector and size	
E2.1 Number of SMEs in construction sub-sectors by size, 2010	5-6
E2.2 Value of gross output of SMEs in construction sub-sectors by size, 2010	5-6
E2.3 Value added of SMEs in construction sub-sectors by size, 2010	5-6
E2.4 Employment and salaries & wages of SMEs by construction sub-sectors and size, 2010	5-7
Legal organisation and size	
E3.1 Number of SMEs in construction sector by legal organisation and size, 2010	5-9
E3.2 Value of gross output of SMEs in construction sector by legal organisation and size, 2010	5-9
E3.3 Value added of SMEs in construction sector by legal organisation and size, 2010	5-9
E3.4 Employment and salaries & wages of SMEs in construction sector by legal organisation and size, 2010	5-10
Ownership and size	
E4.1 Number of SMEs in construction sector by ownership and size, 2010	5-12
E4.2 Value of gross output of SMEs in construction sector by ownership and size, 2010	5-12
E4.3 Value added of SMEs in construction sector by ownership and size, 2010	5-12
E4.4 Employment and salaries & wages of SMEs in construction sector by ownership and size, 2010	5-13

Additional tables

E5.1	Employment and salaries & wages of SMEs in construction sector by category of workers and gender, 2010	5-14
E5.2	Value of fixed assets of SMEs in construction sector by size , 2010	5-15
E5.3	Number of SMEs in construction sector by years in operation and size, 2010	5-15

Sources of financing

E6.1	Purpose of financing by SMEs in construction sector by size, 2010	5-16
E6.2	Sources of financing accessed by SMEs in construction sector by size, 2010	5-17

F. Services**Principal statistics**

F1.1	Principal statistics of SMEs in services sub-sectors, 2010	6-1
F1.2	Principal statistics of SMEs in services sector by state, 2010	6-3
F1.3	Principal statistics of SMEs in services sector by legal organisation, 2010	6-4
F1.4	Principal statistics of SMEs in services sector by ownership, 2010	6-4
F1.5	Principal statistics of SMEs in services sector by output size, 2010	6-5
F1.6	Principal statistics of SMEs in services sector by employment size, 2010	6-5
F1.7	Principal statistics of SMEs in services sector by fixed assets size, 2010	6-6

Sub-sector and size

F2.1	Number of SMEs in services sub-sectors by size, 2010	6-7
F2.2	Value of gross output of SMEs in services sub-sectors by size, 2010	6-8
F2.3	Value added of SMEs in services sub-sectors by size, 2010	6-9
F2.4	Employment and salaries & wages of SMEs in services sub-sectors by size, 2010	6-10

Legal organisation and size

F3.1	Number of SMEs in services sector by legal organisation and size, 2010	6-14
F3.2	Value of gross output of SMEs in services sector by legal organisation and size, 2010	6-14
F3.3	Value added of SMEs in services sector by legal organisation and size, 2010	6-14
F3.4	Employment and salaries & wages of SMEs in services sector by legal organisation and size, 2010	6-15

List of tables

Page

Ownership and size

F4.1	Number of SMEs in services sector by ownership and size, 2010	6-17
F4.2	Value of gross output of SMEs in services sector by ownership and size, 2010	6-17
F4.3	Value added of SMEs in services sector by ownership and size, 2010	6-17
F4.4	Employment and salaries & wages of SMEs in services sector by ownership and size, 2010	6-18

Additional tables

F5.1	Employment and salaries & wages of SMEs in services sector by category of workers and gender, 2010	6-19
F5.2	Purchase and disposal of fixed assets by SMEs in services sector by size, 2010	6-20
F5.3	Number of SMEs in services sector by years in operation and size, 2010	6-20

Sources of financing

F6.1	Purpose of financing by SMEs in services sector by size, 2010	6-21
F6.2	Sources of financing accessed by SMEs in services sector by size, 2010	6-22

CHAPTER 1 : OVERVIEW OF SMEs



1.1 Introduction

This report presents an up-to-date profile of SMEs which include micro, small and medium establishments in Malaysia. Statistics obtained are collected through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010. This Census covered all economic activities identified in Malaysia. Data presented in this report are grouped into five (5) main sectors, namely agriculture, mining and quarrying, construction, manufacturing and services. A nation-wide census to obtain the economic profile of SMEs was first conducted in 2005 through a baseline Census of Establishments and Enterprises.

